



JUZU' KE-30

**SURAH  
AT-TARIQ**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah  
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ①  
وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ② النَّجْمُ الثَّاقِبُ ③  
إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ④  
فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ⑤  
خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ⑥  
يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ⑦  
إِنَّهُ عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ ⑧ يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ⑨  
فَمَا لَهُ مِنْ قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٍ ⑩  
وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ⑪  
وَالْأَرْضِ ذَاتِ الصَّدْعِ ⑫  
إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَصْلٌ ⑬ وَمَا هُوَ إِلَّا هَزْلٌ ⑭  
إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا ⑮ وَأَكِيدُ كَيْدًا ⑯  
فَمَهْلِكُ الْكَافِرِينَ أَهْمَهُمْ رُوَيْدًا ⑰

"Demi langit dan demi yang muncul di waktu malam(1). Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?(2). Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)(3). Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya(4). Dan hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan?(5). Ia diciptakan dari air mani yang memancut(6). Yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan(7). Sesungguhnya Allah itu amat berkuasa untuk menghidupkan manusia kembali(8). Pada

hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong(10). Demi langit yang mempunyai hujan(11). Dan demi bumi yang mempunyai tumbuh-tumbuhan(12). Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau(14). Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengaturkan berbagai-bagai rancangan (balas)(16). Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka"(17).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Tersebut dalam mukadimah Juzu' 'Amma bahawa surah-surahnya merupakan ketukan-ketukan yang bertubi-tubi pada pintu hati manusia iaitu ketukan-ketukan yang kuat dan lantang, juga jeritan-jeritan untuk membangkitkan mereka yang sedang tidur nyenyak. Ketukan dan jeritan-jeritan itu bertalu-talu dengan nada yang satu dan dengan amaran yang satu. "Sedarlah, bangkitlah, lihatlah, berpalinglah, berfikirilah, dan perhatikanlah bahawa di sana ada Tuhan, di sana ada pentadbiran dan perencanaan Ilahi, ada ujian, di sana ada tanggungjawab, di sana ada Hisab dan ada Balasan dan di sana ada 'azab yang dahsyat dan ada ni'mat yang besar."

Surah ini merupakan satu contoh yang jelas dari sifat-sifat Juzu' 'Amma itu. Pada senikata ayat-ayatnya terdapat paluan yang keras yang sesuai dengan jenis pemandangan, jenis irama, bunyi kata-kata dan saranan makna-maknanya. Di antara pemandangan-pemandangannya ialah bintang yang muncul di waktu malam, bintang yang cahayanya menembusi angkasa raya, air mani yang memancut, hujan yang turun dan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh. Di antara persoalannya ialah pengawasan Allah di atas setiap jiwa.

إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ④

"Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Dan di antara persoalannya lagi ialah menafikan adanya kekuatan dan penolong (yang dapat membantu seseorang pada Hari Qiamat):

يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ⑨  
فَمَا لَهُ مِنْ قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٍ ⑩

"Pada hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong."(10)

.... dan seterusnya ialah persoalan keseriusan Al-Qur'an:

إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَصْلٌ ﴿١٣﴾ وَمَاهُوَ بِالْهَزْلِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau."(14)

Amaran-amarannya juga membawa sifat serius yang sama:

إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا ﴿١٥﴾ وَأَكِيدُ كَيْدًا ﴿١٦﴾  
فَمَهْلُ الْكَافِرِينَ أَمَهُمْ رُؤَيْدًا ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengatitkan berbagai-bagai rancangan (balas)."(16) Oleh itu, (wahai Muhammad!) Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka."(17)

Surah ini juga hampir-hampir mengandungi persoalan-persoalan yang diterangkan dalam mukadimah Juzu' 'Ammah ini iaitu persoalan kewujudan Allah, persoalan pentadbiran dan perencanaan ilahi, persoalan ujian dan tanggungjawab, persoalan Hisab, Balasan dan sebagainya.

Di antara pemandangan-pemandangan alam dan hakikat-hakikat persoalan yang diperkatakan dalam surah ini terdapat keserasian yang sempurna, halus dan jelas yang dapat dilihat dalam pembentangan surah ini iaitu dalam penjelasannya yang indah.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

##### Bintang-bintang Terang Menembusi Kegelapan Angkasa Raya

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ﴿١﴾  
وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ﴿٢﴾ النَّجْمُ الثَّاقِبُ ﴿٣﴾  
إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ﴿٤﴾

"Demi langit dan demi yang muncul di waktu malam(1). Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?(2). Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)(3). Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Bahagian ini mengandungi satu pemandangan alam dan satu hakikat keimanan. Ia dimulakan dengan menyebut langit dan bintang yang muncul di waktu malam, kemudian diiringi dengan pertanyaan biasa dalam pengungkapan Al-Qur'an.

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ﴿٢﴾

"Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?"(2)

Pertanyaan ini merupakan seolah-olah perkara yang dibicarakan itu di luar kefahaman dan pengetahuan manusia. Kemudian ia menjelaskannya dengan menyalakan bentuk rupanya:

النَّجْمُ الثَّاقِبُ ﴿٣﴾

"Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)."(3)

Maksudnya, bintang-bintang itu menembusi kegelapan langit dengan cahayanya yang terang. Sifat ini sesuai dengan jenis bintang itu. Dan dari nas ini tidak dapat ditentukan jenis bintang itu, dan penentuan yang seperti itu tidak perlu, malah lebih baik dikekalkan dengan pengertiannya yang umum dengan makna, "demi langit dan demi bintang-bintangnya yang menembusi kegelapan malam, yang meredah dinding-dinding gelap yang melindungi segala-galanya" dan isyarat ini melahirkan saranannya di sekitar hakikat-hakikat surah dan pemandangan-pemandangannya yang lain yang akan diterangkan kemudian.

Allah bersumpah dengan langit dan bintang-bintangnya yang terang dan mengemukakan hakikat "bahawa setiap jiwa" itu diawasi oleh penjaga-penjaganya dengan perintah Allah.

##### Setiap Jiwa Manusia Di Bawah Pengawasan Yang Rapi

إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّمَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ﴿٤﴾

"Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Dalam ungkapan ini terdapat satu penegasan yang kuat iaitu tiada satu jiwa pun melainkan ada penjaga yang mengawasi, memerhati dan memeliharanya. Ia ditugas dengan perintah Allah supaya menjaganya. Allah menyebut "jiwa", kerana jiwalah tempat simpanan rahsia dan fikiran manusia dan pada jiwa juga dihubungkan amalan dan balasan.

Di sana tidak ada kacau-bilau dan keadaan tidak menentu. Manusia yang hidup di bumi ini tidak dibiarkan bebas lepas tanpa penjaga. Mereka tidak dilepaskan begitu sahaja dalam liku-liku kehidupan tanpa pengawal. Mereka tidak ditinggalkan bebas boleh berbuat apa sahaja tanpa pengawasan, malah kegiatan hidup mereka dirakamkan dengan teliti dan Hisab amalan mereka kelak adalah diasaskan di atas catatan-catatan yang hemat dan secara langsung.

Ayat-ayat ini melepaskan saranan-saranan yang hebat yang membuat seseorang itu merasa bahawa dia selama-lamanya tidak keseorangan, dan andainya ia seorangan ia akan diawasi oleh penjaganya. Di sana ada pengawas yang memerhatinya apabila ia berada seorang diri atau jauh dari segala mata atau berada di tempat yang aman dari lalu lintas. Di sana tetap ada

penjaga dan pemerhati yang dapat mengoyakkan segala penutup dan menembus segala yang tersembunyi sama seperti cahaya bintang yang dapat menembusi tabir kegelapan malam. Ciptaan Allah itu serupa sahaja sama ada pada jiwa manusia atau pada kejadian-kejadian yang lain di merata pelusuk alam.

\* \* \* \* \*

### (Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

#### *Pendedahan Asal-usul Kejadian Manusia*

Setelah menyentuh hakikat yang menghubungkan jiwa manusia dengan alam, maka Allah menyentuh pula hakikat perencanaan dan pentadbirannya iaitu hakikat yang dimuliakannya dengan sumpah demi langit dan demi bintang yang muncul di waktu malam. Asal mula kejadian manusia itulah yang menunjukkan hakikat pentadbiran ini, dan menyarankan bahawa manusia tidak dibiarkan sia-sia dan percuma:

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ﴿٥﴾  
خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ﴿٦﴾  
يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ﴿٧﴾

"Dan hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan?(5). Ia diciptakan dari air mani yang memancut(6). Yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan." (7)

#### **Rangkaian Tulang Belakang Lelaki Dan Tulang Dada Perempuan Merupakan Sumber Mani Yang Melahirkan Manusia**

Hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan Allah, dan kepada rupa apakah ia membentuk? Ia diciptakan dari air mani yang memancut keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan. Yakni ia diciptakan dari air yang terkumpul dari tulang sulbi lelaki iaitu rangkaian tulang belakangnya dan dari tulang dada perempuan, iaitu tulang dadanya bahagian atas. Dahulu asal-usul kejadian manusia merupakan satu rahsia yang tersembunyi dalam pengetahuan Allah dan tidak diketahui manusia sehingga sampai separuh akhir abad ini barulah hakikat ini diketahui oleh pengetahuan sains moden, iaitu baru diketahui bahawa di dalam rangkaian tulang-tulang belakang itulah terjadinya air mani lelaki dan di dalam tulang-tulang dada perempuan bahagian atas itulah pula terjadinya air mani perempuan, dan kedua-duanya bertemu di dalam rahim dan dalam keduanya terbentuk manusia.

Perjalanan yang amat jauh di antara titik mula kejadian dengan titik akhir terbentuknya manusia, di antara air yang memancut dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan dengan terbentuknya manusia yang mempunyai akal fikiran

dan susunan-susunan anggota, saraf, akal dan jiwa yang canggih. Perjalanan yang amat jauh ini yang dilalui air mani yang memancut hingga terbentuknya manusia yang berakal itu menunjukkan adanya tangan qudrat Ilahi yang di luar tubuh manusia yang menolak air mani yang tidak mempunyai sebarang bentuk rupa, sebarang iradat dan sebarang kuasa itu ke jalan pengembaraan yang amat jauh sehingga akhirnya sampai kepada rupa bentuk manusia yang ada ini, di samping menunjukkan adanya pemelihara yang ditugaskan Allah supaya menjaga nutfah yang belum mempunyai rupa, akal, kemahuan dan qudrat kuasa dalam pengembaraannya yang amat jauh dan aneh itu. Keanehan kejadian manusia di peringkat ini berkali-kali ganda lebih menakjubkan dari keanehan-keanehan yang ditempuh manusia dari sejak lahirnya sehingga matinya.

#### **Perjalanan Sel Benih Lelaki Dan Perempuan Yang Disenyawakan**

Sel tunggal benih lelaki dan perempuan yang telah berkahwin atau bersenyawa itu hampir-hampir tidak dapat dilihat dengan teropong mikroskop. Berjuta-juta sel terdapat dalam satu pancutan. Sebaik sahaja makhluk seni yang tidak punya rupa, akal, kuasa dan kemahuan ini mengambil tempatnya di dalam rahim, ia terus bekerja mencari makanan. Ia telah dibekalkan oleh qudrat Ilahi yang memeliharanya dengan satu sifat pemakan dan dengan sifat ini ia mengubahkan dinding dan sekelilingnya kepada tasik darah cair yang disediakan sebagai makanan segar. Dan setelah mendapat bekalan makanannya yang tetap, ia terus memulakan proses yang baru iaitu proses perubahan umum (mitosis) sel yang berterusan, dan dari proses inilah lahirnya sel-sel baru yang banyak.

#### **Fungsi Kelompok-kelompok Sel**

Makhluk seni yang tidak punya rupa, akal, kuasa dan qudrat ini adalah cukup tahu apa yang ia mahu dan apa yang ia harus lakukan, kerana ia telah dibekalkan oleh qudrat Ilahi yang memeliharanya dengan bimbingan hidayat, pengetahuan, kuasa dan kemahuan yang membolehkannya mengenal jalannya. Makhluk seni ini telah ditugaskan supaya ia menentukan setiap kelompok sel-sel yang baru itu untuk membina satu anggota tertentu dari anggota-anggota tubuh badan manusia itu. Satu kelompok bekerja untuk membina rangka badan, satu kelompok bekerja untuk membina sistem otot, satu kelompok lagi bekerja untuk membina sistem saraf dan satu kelompok yang lain bekerja untuk membina sistem penghadaman dan begitulah seterusnya tiap-tiap kelompok itu membina anggota-anggota asasi dari tubuh badan manusia. Tetapi kerja-kerja itu bukanlah semudah ini. Ia memerlukan pengkhususan yang amat halus. Setiap tulang, setiap otot dan setiap saraf itu tidak sama dengan tulang-tulang, otot-otot dan saraf-saraf yang lain, kerana bangunan tubuh badan manusia itu amat halus pertukangannya, amat aneh

susunannya dan mempunyai bermacam-macam tugas dan fungsi.

Oleh itu, setiap kelompok sel yang bekerja untuk membina sesuatu anggota yang tertentu itu harus belajar membahagikan kelompok mereka kepada kumpulan-kumpulan ikhtisas yang bertugas melakukan kerja tertentu dalam bidang pembinaan anggota tertentu yang diserahkan kepadanya dalam rangka usaha menegakkan bangunan tubuh yang besar itu. Setiap sel yang seni itu masing-masing tahu jalannya, tahu ke mana ia harus pergi dan tahu kerja yang halus dilaksanakannya. Tiada satu sel yang tersalah jalan dalam kawasan pembinaan yang amat luas itu. Sel-sel yang ditugaskan untuk membuat mata adalah cukup tahu bahawa letak mata itu ialah di bahagian muka dan tidak mungkin di bahagian perut atau di tapak kaki atau di lengan walaupun di tempat-tempat ini mata boleh subur. Andainya sel pertama yang ditugas untuk membuat mata itu diambil dan ditanam pada tempat-tempat ini nescaya ia akan tetap membuat mata di situ, tetapi sel itu sendiri dari mula lagi menuju ke tempat yang ditentukan untuk diletakkan mata dalam sistem tubuh badan manusia yang canggih itu. Siapakah yang berkata kepada sel itu bahawa tubuh badan manusia itu memerlukan mata diletakkan di tempat ini bukan di tempat yang lain? Itulah Allah Pemelihara Yang Maha Agung yang menyelenggara, mengarah, menunjuk dan membimbing sel-sel itu ke tempatnya masing-masing dalam kawasan pembinaan yang amat luas itu di mana tiada pemandu yang berkuasa memandu di sana melainkan Allah.

#### **Siapakah Yang Menggariskan Fungsi-fungsi Sel Yang Teratur Rapi?**

Setiap sel sama ada bersendirian atau berkelompok adalah bekerja dalam bidang yang digariskan oleh kumpulan unit yang tertentu dari unit-unit yang tersembunyi dalam sel-sel itu, iaitu unit-unit warisan yang menjaga dan menyimpan daftar bangsa dan sifat-sifat datuk nenek. Sel mata yang berpecah-pecah atau berubah-ubah dan bertambah banyak untuk membentuk mata itu berusaha semasa ia bekerja untuk menjaga dan memelihara satu rupa bentuk mata yang tertentu dan sifat-sifat mata yang tertentu yang menentukan mata itu mata manusia bukannya mata haiwan yang lain, atau menentukan mata itu serupa dengan mata datuk neneknya yang mempunyai bentuk rupa dan sifat-sifat yang tertentu. Sebarang penyelewengan dalam reka bentuk mata itu, baik dari segi rupa bentuk atau dari segi sifat-sifatnya, akan menyimpang dari garis yang dipelankan. Siapakah mewujudkan daya kuasa ini pada sel-sel itu? Siapakah yang mengajar sel-sel itu melaksanakan fungsi-fungsi itu, sedangkan sel-sel itu sendiri tidak mempunyai akal fikiran, tidak mempunyai kemahuan dan kuasa? Itulah Allah S.W.T. Dialah yang telah mengajar sel-sel itu melaksanakan fungsi-fungsi yang tidak dapat dilaksanakan oleh seluruh manusia andainya mereka ditugas untuk mereka bentuk dan membuat sebiji

mata atau sebahagian dari mata, sedangkan satu sel yang tunggal atau beberapa sel yang tidak punya apa-apa itu dapat melaksanakan tugas yang besar itu.

Di sebalik pemandangan sepintas lalu dari gambaran-gambaran pengembaraan yang amat jauh dan aneh di antara titik permulaan air mani yang memancut dengan titik akhir terbentuknya seorang manusia yang berakal itu terdapat berbagai-bagai keanehan pada sifat-sifat peralatan-peralatan dan anggota tubuh badan yang tidak terdaya oleh kita untuk mengisahkan semuanya di dalam tafsir ini. Seluruhnya menunjukkan bahawa di sebaliknya ada perencanaan dan pentadbiran dan qudrat Ilahi yang menjaga, memelihara, menunjuk dan membantunya, di samping menjelaskan hakikat yang pertama setelah ia bersumpah dengan langit dan bintang sebagai persediaan untuk menjelaskan hakikat yang kedua iaitu hakikat kewujudan alam Akhirat yang diingkari kaum Musyrikin yang ditunjukkan surah ini kepada mereka bagi pertama kali.

\* \* \* \* \*

#### **(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)**

**Tanpa Kebangkitan Semula Nilai Kejadian Manusia Yang aneh Dan Canggih Akan Menjadi Sia-sia**

إِنَّهُ عَلَىٰ رَجْعِهِ لَقَادِرٌ ﴿٨﴾ يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ﴿٩﴾  
فَمَا لَهُ مِن قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٍ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Allah itu amat berkuasa untuk menghidupkan manusia kembali(8). Pada hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong."(10)

Tuhan yang mencipta dan memelihara manusia itulah juga yang berkuasa menghidupkannya kembali selepas mati atau memulihkannya hidup kembali selepas reput dan hancur. Kelahiran dan penciptaan pertama manusia membuktikan kekuasaan Allah, di samping membuktikan perencanaan dan pentadbiran-Nya. Oleh itu, penciptaan manusia yang amat halus dan hikmat penciptaannya itu akan hilang sia-sia sahaja andainya tidak ada Hari Kebangkitan semula untuk diperiksa segala isi hatinya dan untuk dibalas amalan mereka dengan balasan yang setimpal:

يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ﴿٩﴾

"Pada hari diperiksa segala isi hati."(9)

#### **Pada Hari Pengadilan Di Akhirat, Hati Dan Jiwa Terdedah Bogel**

Maksudnya, pada hari itu diperiksa segala rahsia hati yang terpendam dan tersembunyi. Pada hari itu, hati-hati akan diperiksa dan terdedah segala rahsianya. Andainya cahaya bintang dapat menembusi kegelapan malam dan andainya malaikat penjaga yang mengawasi manusia itu dapat menembusi jiwa manusia yang tertutup, begitulah

juga hati manusia akan ditembusi untuk diperiksa pada Hari Qiamat kelak, di mana manusia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong, iaitu tidak mempunyai kekuatan dari dalam dirinya sendiri dan tidak pula mempunyai mana-mana penolong dari luar dirinya. Keadaan terdedah dari segala sesuatu yang melindunginya dan keadaan kekosongan dari segala kekuatan menambahkan kedahsyatan situasi dan memberi kesan yang amat mendalam ketika ia berpindah dari pembicaraan mengenai alam dan jiwa kepada pembicaraan mengenai kejadian manusia dan pengembaraannya yang aneh menuju kesudahan perjalanan hidupnya di Akhirat, di sana segala rahsia hatinya terbuka dan terdedah, dan di sana ia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 11 - 14)

Barangkali masih ada saki-baki keraguan yang melekat di dalam hati yang meragukan kepastian berlakunya Qiamat itu, kerana itu Allah memberi penegasan yang sekuat-kuatnya bahawa firman-Nya ini adalah kata-kata pemutus. Di sini sekali lagi Al-Qur'an menghubungkan firman Allah dengan pemandangan-pemandangan alam sebagaimana dilakukan di bahagian awal surah ini:

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ﴿١١﴾

وَالْأَرْضِ ذَاتِ الصَّدْعِ ﴿١٢﴾

إِنَّهُ لَقَوْلٌ فَضْلٌ ﴿١٣﴾ وَمَا هُوَ إِلَّا هَزْلٌ ﴿١٤﴾

"Demi langit yang mempunyai hujan(11). Dan demi bumi yang mempunyai tumbuh-tumbuhan(12). Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau."(14)

Kata-kata **الرجع** ialah hujan yang turun berulang-ulang kali dari langit dan kata-kata **الصدع** ialah tumbuh-tumbuhan terus membelah tanah dan muncul membesar. Kedua-duanya merupakan satu pemandangan kehidupan dalam salah satu gambarannya iaitu pemandangan kehidupan tumbuh-tumbuhan dan titik mula kejadiannya. Pemandangan air hujan yang mencurah dari langit, pemandangan tumbuh-tumbuhan yang membelah tanah hampir sama dengan pemandangan air mani yang memancut keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan, dan hampir sama dengan pemandangan bayi yang muncul dari dalam rahim yang gelap-gelita. Hidup tetap hidup, pemandangan tetap pemandangan dan gerak tetap gerak. Itulah peraturan yang tetap yang membuktikan adanya Pencipta yang tiada tolok bandingnya sama ada dari segi hakikat ciptaan atau dari segi rupa bentuknya yang lahir.

Pemandangan itu hampir sama dengan pemandangan bintang yang muncul di waktu malam, yang cahayanya menembusi tabir-tabir angkasa raya, begitu juga ia hampir sama dengan pemandangan hati yang diperiksa dan dibuka tabir-tabir rahsianya. Semuanya itu merupakan satu ciptaan yang sama yang membuktikan pencipta yang sama.

#### **Penjelasan Allah Mengenai Kebangkitan Manusia Adalah Satu Penjelasan Yang Mukتامad**

Allah bersumpah dengan dua makhluk dan dua peristiwa ini iaitu peristiwa langit yang menurunkan hujan dan peristiwa bumi yang mencetuskan tumbuh-tumbuhan. Kedua-dua pemandangan itu juga saranan dan nada pengungkapannya membayangkan kekuatan, kepastian dan ketegasan. Allah bersumpah bahawa firman-Nya ini yang menjelaskan bahawa manusia akan dibangkitkan kembali dan rahsia hati mereka akan diperiksa atau bersumpah bahawa Al-Qur'an umumnya merupakan kata-kata pemutus, bukannya kata-kata yang bercampuraduk dengan senda gurau. Ia merupakan kata-kata pemutus yang menamatkan segala pertikaian dan segala keraguan. Ia merupakan kata-kata penamat yang tiada lagi sebarang kata-kata selepasnya. Kata-kata yang tegas ini disaksikan oleh ketegasan langit yang menurunkan hujan dan ketegasan bumi yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan.

\* \* \* \* \*

#### (Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

#### **Rasulullah Dan Orang-orang Mu'min Diseru Bersabar Menghadapi Angkara Tipu Daya Musuh**

Di bawah bayangan ketegasan kata-kata pemutus yang menjelaskan kebangkitan semula dan pemeriksaan hati manusia itu, Allah menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu beliau bersama-sama dengan segelintir pengikutnya yang Mu'min sedang menghadapi ancaman tipu daya kaum Musyrikin dan komplot-komplot mereka yang jahat terhadap da'wah dan para Mu'minin. Kaum Musyrikin tidak berhenti-henti merancang tindakan-tindakan jahat terhadap da'wah dan mengadakan berbagai-bagai cara untuk menentangnya. Tetapi di waktu inilah Allah menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. supaya berdiri teguh dan bertenang, supaya memandang kecil kepada ancaman tipu daya kaum Musyrikin itu dan menganggapkannya sebagai sementara sahaja, kerana teraju perjuangan berada di tangan Allah dan kepimpinan-Nya. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin diseru supaya bersabar dan bertenang:

#### **Mereka Merancang Tipu Daya, Allah Merancang Tindak Balas**

إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا ﴿١٥﴾ وَأَكِيدُ كَيْدًا ﴿١٦﴾

"*Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengaturkan berbagai-bagai rancangan (balas).*" (16)

Orang-orang yang membuat berbagai-bagai rancangan jahat itu ialah manusia-manusia yang dijadikan dari air mani yang memancut, yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan, iaitu sel-sel yang tidak punya daya dan kekuatan, tidak punya kuasa dan kemahuan, tidak punya ilmu pengetahuan dan hidayat, iaitu manusia-manusia yang dijaga dan dipelihara Allah dalam pengembaraan mereka yang jauh dan akan dibangkitkan kembali selepas mati untuk diperiksa segala rahsia hati mereka, dan pada hati itu mereka tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong.

**"Mereka membuat berbagai-bagai rancangan jahat"** dan Aku sebagai Tuhan Pencipta, Penunjuk, Pemelihara, Pengarah, Penghidup kembali dan sebagai Tuhan Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Perkasa dan sebagai Tuhan yang menciptakan langit dan bintang yang muncul di waktu malam, yang menciptakan air mani yang memancut dan manusia yang berakal, menciptakan langit yang menurunkan air hujan dan bumi yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, Allah akan turut mengatur berbagai-bagai rancangan balas.

Jika di sana merancang tipu angkara, di sini juga merancang tindakan balas, maka itulah erti pertarungan, tetapi pertarungan itu pada hakikatnya adalah pertarungan sepihak sahaja walaupun ia digambarkan dua pihak untuk tujuan mengejek dan menyenda-nyendakan mereka.

﴿١٧﴾ **فَمَهِّلِ الْكَافِرِينَ أَمْهَلُهُمْ رُوَيْدًا**

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka." (17)

#### **Penentang-penentang Agama Allah Diberi Tempoh Untuk Menghabiskan Sisa-sisa Hidup Dunia**

Maksudnya, janganlah engkau gopoh dan janganlah engkau merasa lambat menunggu tamatnya perjuangan itu, kerana engkau sendiri telah melihat sifat dan hakikat perjuangan itu. Ada hikmat di sebalik tempoh yang sebentar itu, tempoh itu memang sebentar sahaja walaupun menghabiskan usia hidup di dunia, kerana apalah ertinya usia hidup dunia jika dibandingkan dengan abad-abad Akhirat yang tidak diketahui batas panjangnya.

Kita dapat perhatikan dalam ungkapan ini bagaimana mesranya Allah mengambil hati Rasul-Nya:

﴿١٧﴾ **فَمَهِّلِ الْكَافِرِينَ أَمْهَلُهُمْ رُوَيْدًا**

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka." (17)

#### **Cara Allah Mengambil Hati Rasulullah**

Pengungkapan ini seolah-olah Rasulullah s.a.w. itulah yang memiliki urusan perjuangan dan perintah

itu, seolah-olah dialah yang berhak memberi tempoh kepada mereka atau yang bersetuju memberi tempoh itu kepada mereka. Sedangkan yang sebenarnya Rasulullah tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam urusan ini. Itu hanya satu cara mesra untuk mengambil hati Rasulullah s.a.w., iaitu cara mencampurkan keinginan Rasulullah s.a.w. dengan iradat Tuhannya, cara membabitkan Rasulullah s.a.w. dalam urusan itu seolah-olah ia mempunyai kuasa di dalamnya, cara menghapuskan pagar-pagar perbezaan di antara Rasulullah s.a.w. dengan kehendak Ilahiyah yang berkuasa menentu dan memutuskan urusan itu. Seolah-olah Allah berkata kepadanya "engkau diberi kuasa terhadap mereka, tetapi berikan mereka tempoh yang sebentar." itulah cara mengambil hati yang lemah-lembut dan penuh mesra untuk menghapuskan kesusahan dan penderitaannya menghadapi tindakan-tindakan yang jahat. Semuanya hancur belaka, dan yang kekal dan tinggal ialah kemesraan dan kasih sayang.

\* \* \* \* \*